

Keberkesanan Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan Pekebun Kecil Risda

Suganti Ealangov
Kolej Komuniti Bera
E-mail: sugantie@gmail.com

Asma Laily Binti Md Hanafiah
Kolej Komuniti Bera
E-mail: lailyhanafiah@yahoo.com

Siti Rahayu Binti Sheikh Abdullah
Kolej Komuniti Bera
E-mail: uysl35@yahoo.com

Abstract

Lifelong learning is the government's effort to implement continuous learning skills that lead to an increase in the skill among Malaysian. In line with demand, PSH Bera Community College has been offering a variety of skill courses to the local community, especially to RISDA. This study is aimed to determine the effectiveness of short-course program that has been carried out with RISDA in 2017. The study used a survey method that involves participants from Risda who have attended various short courses with Bera Community College. It is a quantitative study which conducted using a questionnaire in which items are tested for reliability (Cronbach's alpha) in advance. The survey data is analyzed for mean, frequency, standard deviation and t test using SPSS. The findings will be used to devise lifelong learning course modules that are more effective and high impact to the local community, particularly for external agencies to achieve the objectives of lifelong learning programs.

Keywords : Lifelong learning, RISDA, Technical Skill

Abstrak

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan usaha kerajaan dalam implementasikan pembelajaran berterusan yang menjurus kepada peningkatan kemahiran di kalangan penduduk Malaysia. Sejar dengan permintaan, PSH Kolej Komuniti Bera telah menawarkan pelbagai kursus kemahiran kepada komuniti setempat khususnya kepada pekebun kecil anjuran Risda. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan program kursus pendek yang telah dijalankan kepada pekebun kecil Risda pada tahun 2017. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan peserta daripada pekebun kecil Risda yang telah mengikuti pelbagai kursus pendek bersama Kolej Komuniti Bera. Reka bentuk kajian adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik di mana item-item instrumen diuji kebolehpercayaan (Cronbach's Alpha) terlebih dahulu. Data kajian akan dianalisis untuk min, frekuensi, sisihan piawai dan Ujian t menggunakan SPSS. Dapatan kajian ini akan digunakan untuk merangka modul kursus pembelajaran sepanjang hayat yang lebih efektif dan berimpak tinggi untuk komuniti setempat khususnya agensi luar bagi mencapai objektif program pembelajaran sepanjang hayat.

Kata kunci: Pembelajaran sepanjang hayat, RISDA, Kursus Kemahiran

1.0 Pengenalan

Malaysia dalam usaha meneruskan agenda RMK-10 bagi menjana ekonomi kearah negara berpendapatan tinggi. Di bawah RMK-10 kerajaan telah menetapkan bahawa pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional diarusperdanakan bagi merealisasikan hasrat ini dengan menyediakan latihan membangunkan latihan kemahiran kepada rakyat. Agenda ini diberi

penekanan lebih lanjut dalam RMK-11 khususnya salah satu dari enam teras strategi bagi menangani keperluan rakyat menerusi perkara tiga iaitu memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama (Rancangan Malaysia, 2015). Inklusiviti memastikan rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi, dan kedudukan geografi. Inisiatif utama termasuk memperkukuhkan isi rumah mudah terjejas dimana tumpuan dan sokongan berasaskan outcome dan bantuan berasaskan produktiviti, merangkumi isi rumah berpendapatan 40% terendah. Langkah ini termasuklah program keusahawanan, latihan kemahiran, penggunaan teknologi, pemilikan aset dan pelaburan dalam ketersambungan dan kemudahan asas.

Menerusi Perkara Sembilan RMK-11, dalam Membina Negara Maju, penekanan melalui pelbagai program kemahiran berasaskan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam industri telah diwujudkan. Strategi ini sudah pasti menuntut penglibatan aktif dan libatsama oleh kolej komuniti. Peranan kolej komuniti lebih mencabar dalam memberi inklusiviti kepada rakyat berpendapatan rendah termasuklah kepada pekebun kecil Risda.

Di Malaysia, agensi-agensi kerajaan memainkan peranan yang sangat penting untuk menyediakan ilmu pembelajaran serta latihan kemahiran terutama dalam memajukan bakal-bakal usahawan dan menyediakan pelbagai kemudahan di kalangan golongan miskin dan berpendapatan rendah. Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan satu proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan di tempat kerja. Daya saing global dan kepelbagaian keperluan telah mendesak individu supaya sentiasa memperbaharui pengetahuan dan kemahiran mereka. Hal ini juga dituntut oleh majikan dan industri bagi meningkatkan produktiviti. Pada masa yang sama, sejajar dengan pembangunan sosioekonomi negara, individu semakin sedar dan menghayati keperluan untuk pengayaan ilmu dan kemahiran demi kemajuan dan kepuasan diri. Pendidikan sepanjang hayat tidak terhad kepada golongan yang bekerja sahaja malah ia perlu melewati semua golongan termasuk suri rumah, pesara, golongan kurang upaya dan warga emas (Zulkefli, 2005).

Pendidikan bukanlah satu fenomena yang baru berlaku malah telah pun berlaku sejak wujudnya manusia zaman berzaman. Cara pendidikan itu berkembang mengikut peredaran masa dan dipengaruhi oleh kepentingan semasa. Pendidikan sepanjang hayat dilihat semakin penting dalam budaya ilmu iaitu satu budaya yang mendokong bahawa pendidikan berlaku seumur hidup. Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) membolehkan warga Malaysia mendapat ilmu dan kemahiran bersesuaian dengan kehendak dan keperluan masa kini. PSH mampu mengembeleng potensi individu yang masih belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang untuk meningkatkan kemahiran (Hussain, Zulkifli, & Razali, 2015). PSH juga boleh memupuk minat dan menyemai bakat untuk kehidupan yang lebih bermakna dalam diri individu. Menerusi PSH, pendidikan tidak hanya terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat tanpa mengira usia.

Pendidikan sepanjang hayat bermatlamat untuk meningkatkan kualiti kehidupan individu dan masyarakat. Tujuannya ialah untuk memberi latihan dan pendidikan kepada semua orang dengan salah satu matlamat untuk membangunkan modal insan. Di alam persekolahan, pembangunan modal insan difokuskan untuk memberi tumpuan kepada sistem nilai, disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar bagi melahirkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang sains dan teknologi, inovatif, kreatif serta boleh dipasarkan. Dikalangan orang-orang dewasa proses pembelajaran tidak terhenti selepas alam persekolahan malah mesti ada kesinambungan untuk terus belajar hingga ke liang lahat. PSH mampu mengembeleng potensi individu yang masih belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007). PSH juga boleh memupuk minat dan menyemai bakat untuk kehidupan yang lebih bermakna. Menerusi PSH, pendidikan tidak hanya terhad kepada usia muda, tetapi perlu dilanjutkan sepanjang hayat. Untuk itu, PSH melalui pendidikan jarak jauh, e-pembelajaran, pembelajaran di tempat kerja dan separuh masa telah menjadi sebahagian budaya dan cara hidup ke arah menyokong pembangunan modal insan selaras dengan keperluan ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi (Ramlan, Ahmad, & Wan Mohd. Rashid, 2008).

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) membolehkan warga Malaysia mendapat ilmu dan kemahiran bersesuaian dengan model ekonomi berpendapatan tinggi. Pembelajaran sepanjang hayat sangat relevan dalam arus ekonomi yang berasaskan ilmu pengetahuan. Ini akan menjana pembentukan masyarakat berilmu supaya lebih kompetatif untuk meningkatkan pemerolehan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai positif. Justeru, penubuhan kolej komuniti bertujuan untuk mendukung wacana pembelajaran sepanjang hayat. Kolej komuniti memberi peluang pembelajaran dan latihan yang terbuka luas kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira had umur dan kelayakan tertentu. Kolej komuniti akan berperanan sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat Kementerian Pendidikan Tinggi dan seterusnya merealisasikan wacana tersebut (Hussain et al., 2015).

Merujuk kepada program di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, program peningkatan ekonomi pekebun kecil telah diwujudkan bagi membantu menyediakan kemudahan kewangan berbentuk pinjaman mudah kepada pekebun kecil individu, koperasi-koperasi pekebun kecil dan syarikat-syarikat yang akan mendatangkan manfaat kepada pekebun kecil bagi melaksanakan kegiatan ekonomi sampingan terpilih untuk membantu mereka menambahkan pendapatan. Dua jenis aktiviti ekonomi yang telah dikenal pasti setakat ini ialah aktiviti ekonomi ladang seperti ternakan, perikanan dan sayuran serta aktiviti ekonomi luar ladang seperti pembuatan, pembinaan, pemprosesan, pembungkusan dan pengedaran barang-barang makanan, kraf tangan, jahitan dan lain-lain. Program ini melibatkan beberapa program keusahawanan antaranya RISDA.

Berikutan harga komoditi getah yang tidak menentu, pihak RISDA menggalakkan Pekebun-pekebun Kecil berusaha menceburi bidang lain sebagai sumber pendapatan tambahan selain hasil tanaman komoditi. Bagi merealisasikan hasrat ini, RISDA melalui Program Aktiviti Ekonomi

Tambahan (AET) menggalakkan Pekebun Kecil melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Bagi memantapkan pelaksanaan program ini, RISDA telah merancang dan menetapkan pelan tindakan baru Program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) yang lebih berkesan bagi memperbaiki taraf sosio-ekonomi pekebun kecil. Pelan tindakan baru ini dirangka bagi mencapai objektif RISDA agar pekebun kecil memperolehi pendapatan sekurang-kurangnya RM 4,000.00 sebulan sekeluarga menjelang tahun 2020.

Dalam usaha untuk memantapkan lagi pelaksanaan Program AET ini, transformasi baru dibuat dan fokus program diberi tumpuan kepada 4 bidang utama iaitu Perkhidmatan, Makanan, Pembuatan dan Pertanian. Transformasi ini dibuat agar ia dapat memperbaiki kualiti hidup pekebun kecil disamping membantu pekebun kecil dalam meningkatkan pendapatan keluarga. Justeru itu, Kolej komuniti telah mengambil peluang-peluang yang ada untuk memberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pekebun-pekebun kecil ini bagi membantu menjana pendapatan mereka dalam bidang-bidang kemahiran dan keusahawanan.

1.1 Pernyataan Masalah

Kajian menunjukkan pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat dapat meningkatkan kesedaran dan penyertaan komuniti setempat terutamanya kumpulan sasaran yang dikenal pasti dan program pembelajaran sepanjang hayat berpotensi meningkatkan produktiviti dan daya saing dalam kalangan peserta (Samihah & Marlina, 2014). Seiring dengan itu, Kolej Komuniti telah dipertanggungjawabkan bagi menjalankan program pembelajaran sepanjang hayat bagi membantu komuniti setempat. Bagi tujuan pelaksanaan sejumlah besar peruntukkan diturunkan oleh kerajaan untuk penyediaan kemudahan kursus dan lantikan tenaga pengajar yang berkemahiran untuk memberi latihan kepada golongan sasaran. Faktor kemudahan dan tenaga pengajar yang disediakan dikhuatiri mempengaruhi keberkesanan kursus pendek yang melibatkan kumpulan sasaran seperti pekebun kecil Risda. Hal ini berikutan timbulnya persoalan tentang keberkesanan kursus dalam kalangan peserta kursus sebelum ini tentang latar belakang dan kebolehan pemberi latihan serta kemudahan latihan. Oleh yang demikian, satu kajian telah dirangka untuk mendapatkan maklum balas daripada peserta kursus pendek yang terdiri daripada pekebun kecil Risda sebagai langkah penambahbaikan kualiti kursus dan perancangan modul kursus pendek yang lebih efektif khususnya kepada agensi luar.

1.2 Objektif Kajian


- a. Mengetahui sama ada kemudahan prasarana memenuhi keperluan peserta kursus pendek.
- b. Mengetahui kompetensi tenaga pengajar dalam memberi latihan kemahiran kepada peserta kursus yang terdiri daripada pekebun kecil Risda
- c. Mengetahui keberkesanan kursus yang ditawarkan kepada pekebun kecil Risda.

1.3 Persoalan Kajian

- a. Adakah kemudahan prasarana kursus pendek memenuhi keperluan peserta kursus pendek?
- b. Adakah tenaga pengajar yang dilantik memenuhi tahap kompetensi dalam memberi latihan kemahiran kepada peserta kursus?
- c. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengetahuan, kemahiran dan keyakinan sebelum dan selepas mengikuti kursus dalam kalangan pekebun kecil Risda?

1.4 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual bagi kajian ini adalah seperti di rajah 1 di mana pemboleh ubah tidak bersandar adalah kemudahan kursus pendek dan kompetensi tenaga pengajar manakala pemboleh ubah bersandar adalah keberkesanan kursus yang ditawarkan.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk tujuan memberi pendedahan kepada komuniti setempat terutamanya kumpulan sasaran seperti pekebun kecil, suri rumah, belia dan peniaga kecil agar Kolej Komuniti Bera menyediakan program pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan kemahiran sedia ada, memahirkan semula dan mempelbagaikan kemahiran. Selain itu, dapatan kajian dapat membantu Kolej Komuniti Bera dalam perancangan mempelbagaikan tawaran dan promosi kursus pendek sekaligus memberi kesedaran tentang program pembelajaran sepanjang hayat kepada komuniti setempat. Tambahan pula, penambahbaikan dari segi kemudahan dan tenaga pengajar dapat dibuat berdasarkan dapatan kajian ini.

1.6 Batasan Kajian

Sampel kajian ini hanya melibatkan pekebun kecil RISDA yang pernah mengikuti kursus pendek sepanjang tahun 2017 di Kolej Komuniti Bera dan dapatan kajian adalah hanya berdasarkan persepsi peserta kursus sahaja.

2.0 Metodologi

Kaedah tinjauan berbentuk dekskriptif digunakan bagi mengumpul maklumat tentang keberkesanan kursus pendek yang dijalankan oleh Kolej Komuniti Bera kepada pekebun kecil Risda sepanjang tahun 2017. Populasi kajian merangkumi peserta yang terdiri daripada pekebun kecil Risda yang telah mengikuti kursus pendek. Bilangan kajian ini adalah seramai 153 orang peserta yang mengikuti kursus pendek yang dirangka khas untuk pekebun kecil Risda. Sampel kajian merangkumi sampel khusus dan bertepatan dengan tujuan kajian. Pengumpulan data dijalankan dengan mengedarkan soal selidik yang dirangka berdasarkan borang soal selidik kursus pendek Kolej Komuniti setiap kali akhir kursus pendek. Sebanyak 153 responden telah menjawab soal selidik ini. Instrumen soal selidik ini

mempunyai empat bahagian di mana bahagian pertama mengandungi item berkaitan demografi, bahagian A hingga C mengandungi item-item yang dibina berdasarkan tiga dimensi iaitu kemudahan kursus, kompetensi tenaga pengajar dan keberkesanan kursus yang diikuti oleh peserta. Item-item di bahagian ini dibina berdasarkan Skala Likert empat mata (Jadual 1).

Jadual 1: Skala Likert empat mata (adaptasi daripada Azizi et.al 2007)

Aras		Skor
Sangat tidak setuju		1
Tidak setuju		2
Setuju		3
Sangat Setuju		4

Kajian rintis telah dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan setiap item dengan diedarkan kepada 42 orang responden dan data yang diperoleh di analisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS 16.0). Nilai *Alpha* bagi kajian rintis adalah 0.903 dan ini membuktikan instrumen yang dibina mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan tidak perlu diubah. Kaedah analisa deskriptif and inferensi dilakukan dengan menggunakan SPSS 16.0. Dapatan hasil analisa deskriptif diterjemahkan dalam peratusan dan skor min untuk mudah difahami. Nilai skor min yang diperoleh ditafsirkan dengan menggunakan interpretasi skor min (Jadual 2) yang telah dirumuskan oleh Samimah & Marlina (2014). Statistik inferensi pula dilakukan dengan menggunakan Ujian T sampel bersandar bagi mendapatkan pencapaian sebelum dan selepas mengikuti kursus pendek (Azura, Mohamad Hasan, & Bahaman, 2009).

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor Min	
1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana
3.01 hingga 4.00	Tinggi

3.0 Dapatan Kajian

Latar belakang responden yang dikaji adalah terdiri daripada jantina, umur dan status perkahwinan. Data yang diperoleh dianalisa dan diringkaskan dalam bentuk jadual untuk mudah difahami. Secara amnya, hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti peserta kursus pendek pekebun kecil Risda adalah responden perempuan iaitu 98.7% berbanding responden lelaki hanya 1.3%. Kebanyakan peserta kursus terdiri daripada golongan suri rumah berusia 46 hingga 55 tahun iaitu sebanyak 28.1%. Manakala status perkahwinan peserta yang tertinggi adalah yang berstatus kahwin iaitu sebanyak 62.7% (Jadual 3)

Jadual 3 : Analisa demografi responden

Maklumat demografi		Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	2	1.3
	Perempuan	151	98.7

Umur	16-25	21	13.7
	26-35	21	13.7
	36-45	34	22.2
	46-55	43	28.1
	56-65	30	19.6
	66-75	4	2.6
Status Perkahwinan	Bujang	29	19.0
	Berkahwin	96	62.7
	Janda/balu	28	18.3

Lima jenis kursus telah ditawarkan kepada pekebun kecil Risda sepanjang tahun 2017. Kesemua kursus yang ditawarkan adalah daripada kluster katering dan sajian yang terdiri daripada kursus pembuatan pizza, penghasilan otak-otak, penghasilan keropok lekor, penghasilan aiskrim dan penghasilan mi kuning. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kursus pembuatan pizza mempunyai penyertaan tertinggi iaitu 27.5% daripada jumlah peserta (Jadual 4)

Jadual 4 : Jenis kursus dan bilangan peserta kursus

Kursus	Frekuensi	Peratus (%)
Pizza	42	27.5
Otak-Otak	27	17.6
Keropok Lekor	26	17.6
Aiskrim	25	16.3
Mee Kuning	33	21.6
Jumlah	153	100.0

Dapatan analisa objektif kajian menunjukkan nilai purata skor min bagi objektif kajian 1 adalah 3.48. Hasil analisa kajian menunjukkan bahawa fasiliti dan kemudahan yang disediakan oleh Kolej Komuniti Bera berada pada tahap yang tinggi. Bagi objektif kajian 2, nilai purata skor min yang diperolehi adalah 3.50. Hasil analisa kajian menunjukkan bahawa kompetensi tenaga pengajar yang memberi latihan kepada peserta berada pada tahap tinggi. Ini secara langsung menjelaskan tenaga pengajar yang dilantik sememangnya berpengalaman dan berkemahiran dalam melatih peserta kursus (Jadual 5)

Jadual 5: Rumusan analisa objektif kajian

Bil	Objektif	Nilai skor Min	
1	Kemudahan prasarana memenuhi keperluan peserta kursus	3.48	Tinggi
2	kompetensi tenaga pengajar dalam memberi latihan kepada pekebun kecil RISDA	3.50	Tinggi

Dapatan kajian keberkesanan kursus menunjukkan responden mendapat peningkatan pengetahuan dalam bidang kursus selepas mengikuti kursus. Peratus peningkatan skor min adalah 65 % daripada skor min sebelum mengikuti kursus pendek iaitu 2.14. Kemahiran dalam bidang kursus turut meningkat selepas mengikuti kursus di mana peratus

peningkatan skor min adalah 63.7% daripada nilai skor min sebelum mengikut kursus iaitu 2.15. Responden juga mendapat peningkatan dari segi keyakinan selepas mengikuti kursus di mana peningkatan skor min adalah 61.3 % daripada nilai skor min sebelum mengikuti kursus iaitu 2.22 (Jadual 6).

Jadual 6: Analisa keberkesanan kursus

Item	Sebelum		Selepas		Peningkatan Peratus (%)
	Min	Sd	Min	Sd	
Pengetahuan dalam bidang kursus	2.14	0.80	3.53	0.56	65.0
Kemahiran dalam bidang kursus	2.15	0.84	3.52	0.57	63.7
Yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari	2.22	0.83	3.58	0.55	61.3

Dapatan kajian menunjukkan skor min selepas mengikut kursus pendek adalah melebihi skor min sebelum mengikut kursus pendek di mana peningkatan skor min adalah sebanyak 60.6% bagi peningkatan kerjaya dan 59.6% bagi pengembangan perniagaan. Dapatan ujian-t berpasangan untuk peningkatan kerjaya pula menunjukkan nilai signifikan (0.00) kurang daripada nilai alpha (0.050), $p < 0.050$ dengan $t(152) = -18.50$. Ini dapat dilihat dalam Jadual 7. Secara kesimpulannya dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara peningkatan kerjaya sebelum dan selepas menghadiri kursus pendek dalam kalangan pekebun kecil Risda. Dapatan ujian-t berpasangan untuk pengembangan perniagaan pula menunjukkan nilai signifikan (0.00) kurang daripada nilai alpha (0.05), $p < 0.05$ dengan $t(152) = -19.25$. Ini dapat dilihat dalam Jadual 8. Maka dapat disimpulkan bahawa kajian membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengembangan perniagaan dalam kalangan pekebun kecil Risda sebelum dan selepas mengikuti kursus pendek.

Jadual 7: Ujian t bagi Peningkatan Kerjaya sebelum dan selepas mengikuti kursus pendek

Peningkatan kerjaya	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Darjah kebebasan	Signifikan
Sebelum	153	2.18	0.89	-	152	0.00
Selepas	153	3.50	0.59	18.50		

Jadual 8: Ujian t bagi pengembangan perniagaan sebelum dan selepas mengikuti kursus pendek

Pengembangan perniagaan	Bilangan	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Darjah kebebasan	Signifikan
Sebelum	153	2.18	0.88	-	152	0.00
Selepas	153	3.48	0.60	19.25		

4.0 Perbincangan

Kajian ini disasarkan kepada peserta kursus pendek yang terdiri daripada pekebun kecil Risda yang telah menghadiri lima jenis kursus dibawah kluster catering dan sajian anjuran Kolej Komuniti Bera dengan kerjasama Pejabat Risda daerah Bera.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan mendapati keberkesanan kursus yang dijalankan amat tinggi bagi setiap persoalan kajian. Hasil dapatan yang pertama menunjukkan bahawa fasiliti dan kemudahan yang disediakan oleh Kolej Komuniti Bera berada pada tahap yang baik dan peralatan kursus juga mencukupi. Fasiliti dan kemudahan amat penting bagi memastikan peserta berasa selesa menjalani latihan atau kursus di Kolej Komuniti Bera.

Selain itu, hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tenaga pengajar bagi kursus-kursus yang dijalankan mempunyai kompetensi yang tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa tenaga pengajar yang dilantik adalah terdiri daripada individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang luas dalam bidang yang diajar. Aspek-aspek ini membolehkan pengajaran dapat disampaikan dengan baik dan berkesan dan seterusnya objektif kursus itu diadakan dapat dicapai.

Kajian ini juga membuktikan bahawa kursus pendek yang dijalankan oleh Kolej Komuniti Bera bersama pekebun kecil Risda ini amat berkesan. Peningkatan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi jika dibandingkan dengan sebelum menjalani kursus pendek di Kolej Komuniti Bera. Di samping itu, peserta lebih berkeyakinan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi selepas mengikuti kursus. Kajian ini juga membuktikan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspek peningkatan kerjaya dan pengembangan perniagaan sebelum dan selepas menghadiri kursus di Kolej Komuniti Bera.

5.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini telah mencapai kesemua objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil daripada kajian yang dibuat mendapati keberkesanan kursus dari aspek kemudahan serta kompetensi tenaga pengajar bagi menjalankan kursus ini berada pada yang tinggi. Peningkatan tahap pengetahuan dan kemahiran peserta kursus juga dapat dilihat melalui kajian ini. Tahap keyakinan, peningkatan kerjaya serta pengembangan perniagaan juga menunjukkan peningkatan yang tinggi sebelum dan selepas kursus. Walau bagaimanapun hasil dapatan juga mendapati masih terdapat beberapa aspek yang perlu dibuat penambahbaikan oleh pihak kolej antaranya kemudahan prasarana perlu ditambahbaik lagi bagi memastikan kursus ini dapat dilaksanakan dalam persekitaran yang lebih kondusif.

6.0 Cadangan

Cadangan yang diperlukan bagi meningkatkan keberkesanan kursus pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti Bera adalah menambah baik sistem pengurusan kursus pendek. Sistem pengurusan yang sistematik dan tersusun merangkumi menaiktaraf fasiliti dan kemudahan yang telah sedia ada serta menambah bilangan peralatan yang diperlukan bagi setiap

kursus. Ruang bengkel makanan juga perlu diubah suai supaya peserta dapat menjalani kursus dengan suasana dan persekitaran yang lebih selesa.

Rujukan

- Azura Ishak, Mohamad Hasan Selamat, & Bahaman Abu Samah. (2009). Perbandingan Pengajaran Berasaskan Multimedia dan Tradisional ke Atas Pencapaian Matematik dan Sikap Matematik di Kalangan Pelajar Berisiko. *Jurnal Teknologi Maklumat Dan Multimedia*, 5, 79–89. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Hussain, R. B., Zulkifli, A. K. Bin, & Razali, R. B. M. (2015). Memperkasa Komuniti Melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat Di KOlej Komuniti, 7(2), 12–21.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2007). Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, 129–139.
- Samihah Sarpan, & Marlina Mohamad (2014). Tahap Kesedaran Belia Mengikuti Kursus Pendek Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Daerah Batu Pahat.
- Ramlan, Z. A., Ahmad, E., & Wan Mohd. Rashid Wan Ahmad. (2008). Pendidikan Sepanjang Hayat: Isu, Cabaran Dan Peranan Sekolah Membangun Modal Insan Dalam Komuniti Setempat. *Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan Pkpgb 2008*, 1–9.
- Rancangan Malaysia, K.-11. (2015). RMKe-11 berbeza dengan Rancangan Lima Tahun sebelumnya, 11.
- Zulkefli, H. A. (2005). Profesionalisme Dan Pembelajaran Sepanjang Hayat.